SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

RMKe-13: 46 PROJEK BERKAITAN AIR DI SARAWAK DENGAN JUMLAH KOS RM7.4 BILION

SIBU, 24 OKTOBER 2026 – Sebanyak 46 projek berkaitan air diluluskan di Sarawak dengan kos RM7.4 bilion dibawah *Rolling Plan 1* (RP1), Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13). Ia merangkumi 33 projek sambungan yang sedang dilaksanakan dan 13 projek baharu yang akan dilaksanakan bagi menjamin keterjaminan sumber air, mengurangkan risiko bencana serta meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Komitmen Kerajaan Persekutuan dalam memperkukuh pengurusan sungai dan sumber air di Sarawak dilaksanakan melalui Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia. Kerjasama ini meliputi pelaksanaan projek pembangunan, kajian Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) serta inisiatif penglibatan komuniti.

Usaha ini diketengahkan sempena Sambutan Hari Sungai Sedunia (HSS) Peringkat Kebangsaan Tahun 2026 yang bertemakan “Sungai dan Alur dalam Komuniti Kita”. Sambutan berlangsung di Dataran Tun Tuanku Bujang Fasa 2, Sibu, Sarawak, pada 24 Oktober 2026 dan dirasmikan Premier Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg. Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri PETRA, YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof.

Pemilihan Sibu sebagai lokasi sambutan amat signifikan kerana bandar ini terletak di Lembangan Batang Rajang, iaitu lembangan sungai terbesar di Malaysia. Lembangan ini penting kepada kehidupan masyarakat, kelestarian ekosistem dan pembangunan ekonomi Sarawak, termasuk penjanaan tenaga hidroelektrik.

Sambutan ini turut menyaksikan peluncuran Garis Panduan Pembangunan dalam Koridor Sungai serta penyampaian Anugerah Khas

Sumber Air (AKSA) 2026 sebagai pengiktirafan terhadap usaha komuniti memelihara dan memulihara sumber air.

Sebanyak enam (6) projek turut diserahkan kepada Kerajaan Sarawak, meliputi:

i) Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Kampung Semarang, Pusa, Betong, Sarawak;
ii) Denai Sungai Kebangsaan (DSK) Sungai Pesang di Kampung Pesang
iii) DSK Sungai Serian di Kampung Stabut, Serian
iv) Kajian IRBM Batang Samarahan
v) Kajian IRBM Sungai Sibuti
vi) Kajian IRBM Batang Saribas

Penglibatan komuniti dalam pemeliharaan sungai turut diperkukuh melalui pembinaan Denai Sungai Kebangsaan (DSK) di Sarawak pada tahun 2026. Inisiatif ini menyediakan ruang rekreasi dan pendidikan alam sekitar serta menggalakkan masyarakat menghargai dan bersama-sama menjaga sungai.

Lebih 1,000 pengunjung menyertai pelbagai aktiviti sempena sambutan ini, antaranya Program Ekspedisi Sumber Air Negara (EKSAN) di sekitar Sibu dan Kapit, pertandingan memancing di Batang Rajang, pertandingan fotografi, videografi dan mewarna, Pocket Talk, River Walk serta Pameran dan Jualan Rahmah.

Selaras dengan Dasar Air Negara dan Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040 (AIR 2040), PETRA akan terus memperkukuh kerjasama dengan Kerajaan Sarawak dan pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan sungai serta sumber air diurus secara mampan. Usaha ini penting untuk menjamin kelestarian sumber air, melindungi alam sekitar dan memelihara kesejahteraan rakyat untuk generasi akan datang.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
24 Oktober 2026